

Cadangan bina rumah berasas kenaf

Kuala Terengganu: Kerajaan dicadang menggunakan teknologi Sistem Bangunan Berindustri (IBS) berasaskan kenaf untuk pembinaan 20 rumah di semua 22 kawasan Parlimen seluruh negara tahun depan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr. Khairuddin Aman Razali berkata, kertas cadangan penggunaan teknologi IBS berasaskan kenaf akan diserahkan kepada Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk dibentangkan pada mesyuarat Kabinet.

Jelasnya, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1 juta setahun kepada Ahli Parlimen untuk pembinaan 20 rumah penduduk miskin di seluruh negara.

"Kos untuk pembinaan rumah menggunakan teknologi IBS hanyalah dianggarkan bernilai RM20,000 sebuah dan proses pembinaan kediaman itu hanya mengahabi masa 14 hari.

"Pembinaan rumah menggunakan teknologi IBS bukan sahaja menjimatkan masa dan kos, malah dapat mengelak dari berlakunya pembaziran bahan binaan," katanya.